



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 5 APRIL 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PROJEK RINTIS BERJAYA HASILKAN 2.3 TAN BAWANG MERAH -MAT SABU, KOSMO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	DOF SAHKAN KUPANG DICEMARI BIOTOKSIN, PORT DICKSON, SH -30	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	TIADA RENDANG KUPANG, KERANG DI PASIR PANJANG, DALAM NEGERI, UM -33	
4.	'ELAK BELI KALAU ADA BAU, WARNA PELIK, LOKAL, HM -31	
5.	KUPANG PORT DICKSON DICEMARI BIOTOKSIN, TAK SELAMAT DIMAKAN, NASIONAL, BH -22	
6.	KUPANG PD BERACUN, ADA ALGA BAHAYA, NEGARA, KOSMO -14	
7.	KUPANG DI PORT DICKSON SAH TIDAK SELAMAT DIMAKAN, DALAM NEGERI, UM -11	
8.	TIGA BAZAR RAMADAN FAMA CATAT JUMLAH RM1.3j, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9.	UPM HASILKAN PADI TAHAN LASAK, MAMPU HIDUP DALAM CUACA PANAS, SH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2024	KOSMO	ONLINE	

Projek rintis berjaya hasilkan 2.3 tan bawang merah – Mat Sabu



PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan projek rintis penanaman bawang di negara ini telah berjaya mengeluarkan hasilnya.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, projek rintis seluas satu hektar di Kampung Ladang Bikam, Sungkai, Perak itu telah memberikan hasil pengeluaran 2.3 tan untuk tuaian kali pertama.

“Penanaman ini menggunakan varieti bawang merah BAW-1 yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

“Ia mula ditanam pada Januari lalu dengan melibatkan kawasan fasa 1 seluas 0.6 hektar,” tulisnya di laman Facebook hari ini.

Sebelum ini, Mohamad memberitahu, penyelidikan yang dijalankan oleh Mardi pada tahun lalu telah menghasilkan tiga jenis bawang merah iaitu BAW-1, BAW-2 dan BAW-3.

Malah katanya, kerajaan menyasarkan 14,470 tan bawang dihasilkan menjelang 2026 melalui program itu yang membabitkan kawasan seluas 1,374 hektar di seluruh negara.

Inisiatif itu juga bertujuan mencapai sasaran pengurangan 30 peratus pengimportan bawang menjelang 2030. – KOSMO! ONLINE

DOF sahkan kupang dicemari biotoksin

Orang ramai disaran tidak makan kerangan dan dilarang dijual buat masa ini

Oleh **NORAFIDAH ASSAN**
PORT DICKSON

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengesahkan kupang di perairan Port Dickson khususnya di Kampung Telok dan Sungai Sekawang di Pasir Panjang di sini telah dicemari biotoksin dan tidak selamat dimakan.

Timbalan Ketua Pengarah

(Pengurusan) DOF, Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, ia berdasarkan keputusan yang dijalankan oleh makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur.

"Analisis yang telah dijalankan mendapati terdapat alga berbahaya iaitu spesies *prorocentrum*, *alexandrium* dan *pseudonitzschia*.

"Jabatan akan meneruskan pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian secara berkala mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan sehingga kepadatan sel di dalam air berkurang dan biotoksin di dalam isikupang tidak dikesan," katanya kepada pemberita pada Khamis.



Wan Muhammad Aznan (kiri) dan Pengarah DOF Negeri Sembilan, Kasim Tawe menunjukkan kawasan lokasi sampel kupang dan air di perairan Port Dickson pada Khamis.

Ujarnya, buat masa ini dan dipasarkan dalam pasaran ramai disarankan supaya tidak mengambil kerangan seperti lala, kerangan lain seperti ikan dan lokan di Port Dickson selain pihaknya tidak membenarkan kerangan itu dijual.

"Bagaimanapun, maknan laut lain seperti ikan dan sotong di perairan berkenaan adalah selamat dimakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Tiada rendang kupang, kerang di Pasir Panjang

PORT DICKSON: Sambutan Hari Raya Aidilfitri kali ini tentu berbeza buat penduduk kampung sekitar Pasir Panjang di sini apabila tidak dapat menyediakan juadah rendang kupang dan kerang seperti kebiasaannya.

Ia selepas insiden keracunan makanan yang dikaitkan dengan pengambilan kupang di daerah itu seperti dilaporkan kelmarin.

Penternak kupang, Mohd. Rashid Ariffin, 62, memberitahu, rendang kupang dan kerang memang popular dalam kalangan penduduk di situ khususnya pada Hari Raya Aidilfitri dan

Ramadan.

“Memang ini kali pertama berlaku kejadian keracunan akibat makan kupang, saya sendiri tidak pasti apa puncanya. Namun, apa yang pasti tiada juadah rendang kupang dan rendang untuk tahun ini.

“Permintaan untuk kupang tinggi, menjelang perayaan saya menerima tempahan hampir 80 kilogram sehari. Namun, kini tidak boleh menuai hasil kupang kerana saya juga tidak mahu menanggung risiko lain,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.



PENTERNAK kupang, Mohd. Hairel Mohd. Rashid menunjukkan hasil ternakan diusahakannya di Teluk Sinting, Pasir Panjang, Port Dickson.



LING (kanan) dan Dr Mohd Famey meninjau pengambilan sampel pelepasan efluen di kawasan sistem pengolakan efluen perindustrian dalam Ops Gempur Raya. -Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

WASPADA KERACUNAN MAKANAN LAUT BERCENGKERANG

'Elak beli kalau ada bau, warna pelik'

Iskandar Puteri: Penggemar makanan laut bercengkerang di negeri ini perlu sentiasa berwaspada terhadap bau dan warna mentah itu berada pada keadaan baik sebelum dibeli.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon berkata, langkah itu penting bagi memastikan tiada insiden keracunan makanan membabitkan makanan laut bercengke-

rang di negeri ini. "Setakat ini di Johor belum menerima apa-apa laporan mengenai keracunan disebabkan makanan laut bercengkerang.

"Saya menasihati orang awam berwaspada apabila beli makanan laut bercengkerang. Harus teliti memilih termasuk lihat pada warna dan hidu supaya tiada bau pelik bagi memasti-

kan kualitinya terjamin," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Ops Gempur Raya di Kawasan Perindustrian Gelang Patah, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Jas) Johor Dr Mohd Famey Yusoff.

Johor belum terima apa-apa laporan mengenai keracunan makanan laut bercengkerang

Negeri Sembilan (JKNN) melaporkan terdapat laporan kes keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang termasuk dua kes kritikal berlaku di Port Dickson.

Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan Datuk Dr Harlina Abdul Rashid dilaporkan berkata, kejadian keracunan itu mula dikesan sejak Ahad lalu apabila Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Port Dickson menerima notifikasi daripada Hospital Port Dickson.

Kupang Port Dickson dicemari biotoksin, tak selamat dimakan

Jabatan Perikanan nasihatkan orang ramai tidak memakan kerangan dalam tempoh 20 hari

Oleh Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

Port Dickson: Jabatan Perikanan mengesahkan hasil analisis di kukkan ke atas kupang dan air di perairan Port Dickson, khususnya di Kampung Telok dan Sungai Sekawang di Pasir Panjang, di sini dicemari biotoksin dan tidak selamat dimakan.

"Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan, Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, ia bertitik beratkan analisis dijalankan makmal Pusat Bioteknologi Perikanan di Kuala Lumpur.

"Analisis dijalankan mendapati terdapat alga berbahaya iaitu spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudo-nitzschia* pada kupang yang diambil sampel di perairan Port Dickson.

"Jabatan akan meneruskan pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian secara berkala mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, sehingga kepastian sel dalam air berkurang dan biotoksin di dalam isi kupang tidak dikesan," katanya ketika sidang media di Pusat Ikan Hiasan Port Dickson, semalam.

Pada masa sama, beliau menyenaraikan orang ramai tidak mengambil kerangan, seperti lada,

kerang dan lada di Port Dickson, selain tidak membenarkan laju air dan dipasir dalam pesiaran awam.

Begitupun, katanya makanan laut lain seperti ikan dan sotong di perairan berkenaan selamat dimakan.

Faktor cuaca panas

Dalam pada itu, Wan Muhammad Aznan berkata, pihaknya percaya mungkin cuaca panas antara faktor menyebabkan alga toksin ini merebak dan membiak dengan cepat.

Sehubungan itu, katanya dalam tempoh 20 hari ini orang ramai dinasihatkan tidak memakan kerangan dan pihaknya juga sudah mengeluarkan arahan kepada 40 penarik kupang di Pasir Panjang untuk tidak mengeluarkan hasil kerang masing-masing.

Mengenai perkembangan terkini kes keracunan kerang, beliau berkata sembilan kes direkodkan dan terkini hanya seorang pesakit iaitu lelaki berusia lingkungan 70-an masih mendapatkan rawatan di Unit Kawatan Rapi (UCU).

Media sebelum ini melaporkan lapan individu dimasukkan ke hospital dengan dua daripadanya dirawat di ICU selepas mengalami keracunan akibat memakan kupang yang dibeli dari dua pasar di sekitar daerah ini.

Siasatan awal mendapati kes-kes itu kes terdidi daripada beberapa keluarga yang berbeza dan mempunyai sejarah memakan kupang yang dibeli dari dua pasar di sekitar Port Dickson.

Susulan itu, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) mengambil sampel kupang dan air di perairan Port Dickson bagi mengenal pasti punca kes keracunan makanan tersebut.



Pihak berkuasa mengambil sampel kupang dan kerang di Kampung Telok serta Sungai Sekawang, Port Dickson. (foto Ihsan Persatuan Nelayan Kawasan Telok Kemang)

Kerang-kerangan dicemari biotoksin, tidak selamat dimakan

Kupang PD beracun, ada alga bahaya

Oleh NOR AIMNA HAMZAH

PORT DICKSON – Kupang di perairan daerah ini khususnya di kawasan Sungai Sekawang dan Kampung Telok di Pasir Panjang didapati telah dicemari biotoksin berbahaya.

Hasil analisis menemui tiga alga berbahaya iaitu spesies *Procentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia* di dalam isi kupang yang cepat membiak ekoran keadaan cuaca panas.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, keputusannya itu diperoleh daripada analisis makmal yang dijalankan oleh makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur.

Menurutnya, DOF akan membuat pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian berkala sehingga kepadatan sel di dalam air berkurangan dan biotoksin di dalam isi kupang tidak dikesan.

"Kupang atau kerang-kerangan di perairan ini (Port Dickson) tidak selamat dimakan dan kita sarankan masyarakat tidak mengambil kerangan (kupang, lokan, kerang dan lala) di sini.

"Kita ambil sela masa sesuai kira-kira 20 hari (larangan ini) bagi memastikan kerangan selamat dimakan serta analisis beriklutnya untuk pengesanan lanjut.

Untuk rekod, di perairan Port Dickson khususnya di Pasir Panjang, terdapat 19 penternak kerangan berdaftar dengan DOF, namun jumlah penternak tidak berdaftar mencecah 40 orang.

Selasa lalu, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan memaklumkan terdapat lapan kes keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang termasuk dua kes kritikal berlaku di Port Dickson.

Sebanyak dua kes telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi, manakala lima kes dimasukkan ke wad biasa dan satu kes telah dirawat sebagai pesakit luar.

Siasatan awal pihak berkuasa mendapati, kesemua kes terdiri daripada beberapa buah keluarga yang berbeza dan mempunyai sejarah makan kupang yang dibeli dari dua buah pasar di sekitar Port Dickson.

Kesemua kes mengalami gejala sakit kepala, kebas tangan dan kaki, serta lemah otot. Terdapat dua kes telah dimasukkan ke ICU kerana mengalami gejala yang lebih teruk iaitu paralisis.



WAN MUHAMMAD AZNAN (kiri) dan Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe pada sidang akhbar di Pusat Ikan Hiasan, Jabatan Perikanan di Port Dickson semalam.

Ikan di perairan ini pula selamat dimakan," katanya pada sidang akhbar di Pusat Ikan Hiasan Port Dickson, di sini semalam.

Beliau memberitahu, DOF masih belum menerima laporan berhubung kejadian keracunan kupang dari negeri-negeri lain. Bagaimanapun, susulan ke-

jadian itu, DOF telah membuat kajian sampel bagi kerangan di perairan Melaka dan Johor.

"Setakat ini, hanya di Port Dickson, namun ini kali pertama berlaku di sini. Kejadian keracunan ini pernah berlaku lebih 10 tahun lalu di negara ini, namun disebabkan kandungan logam

berat.

Ketika ditanya mengenai kupang yang ditemui,

kan mati oleh nelayan, beliau menyatakan akan membuat siasatan berhubung kes itu sama ada disebabkan logam berat atau alga.



CONTOH kupang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Kupang di Port Dickson sah tidak selamat dimakan

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamulia.com.my

PORT DICKSON: Analisis makmal yang dijalankan Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur terhadap air dan sampel kupang di perairan Port Dickson mengesahkannya telah dicemari biotoksin berbahaya dan tidak selamat dimakan.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Jabatan Perikanan, Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, analisis yang dijalankan mendapati ada tiga alga berbahaya, iaitu spesies *Proocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia*.

“Pihak jabatan menyarankan kupang dan kerang-kerangan seperti lala, kerang, lokan di perairan Port Dickson tidak selamat dimakan dan kami meminta masyarakat tidak mengambil kerang-kerangan di sini. Kami sekarang mengambil tindakan penguatkuasaan tidak membenarkan kerang-kerangan di Port Dickson dikeluarkan dan dijual di pasaran awam.

“Jabatan akan meneruskan pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian secara berkala mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan sehingga kepadatan sel di dalam air berkurang dan biotoksin di dalam isi kupang tidak dikesan.

“Kebiasaannya kita mengambil masa seminggu untuk buat ujian makmal semula, namun kami akan mengambil masa selama 20 hari dan selepas itu jika dua kali analisis mendapati ia selamat, kami akan isytiharkan kerang-kerangan kawasan itu selamat untuk dimakan,” katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, cuaca panas terik yang berlaku ketika ini menyebabkan alga yang bertoksin itu membiak dengan cepat di perairan Port



WAN Muhammad Aznan Abdullah (kiri) dan Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe dalam sidang akhbar di Pusat Ikan Hiasan, Jabatan Perikanan, Port Dickson semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

“Jabatan akan meneruskan pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian secara berkala mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.”

WAN MUHAMMAD AZNAN

Dickson.

“Kemungkinan tidak ada kaitan dengan pencemaran air laut termasuk terdapat kandungan logam berat,” tambahnya.

Beliau memberitahu, hasil laut lain seperti ikan dan sotong dari perairan Port Dickson adalah selamat untuk dimakan.

Wan Muhammad Aznan dalam pada itu menjelaskan, terdapat kira-kira 40 penternak kupang di Port Dickson, iaitu di Kampung Telok dan Sungai Sengkawang di Pasir Panjang.

“Kami telah mengeluarkan arahan untuk penternak agar tidak mengeluarkan hasil di

samping agensi penguatkuasaan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan polis marin serta penguat kuasa Jabatan Perikanan akan berada di lapangan perairan Port Dickson. Pemantauan juga akan dijalankan di pasar-pasar bagi mengelakkan kupang dan kerang-kerangan ini dijual.

“Selain itu, kupang-kupang sedia ada yang belum dituai oleh penternak tidak akan dilupuskan kecuali yang sudah dituai dan berada di pasar, ia perlu dilupuskan,” katanya.

Jelasnya, kajian sampel bagi perairan Melaka dan Johor turut dilakukan dan mendapati kedua-dua negeri itu selamat dan tidak ada mempunyai alga toksik berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Tiga bazar Ramadan FAMA catat jualan RM1.3j

KANGAR: Tiga bazar Ramadan di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Perlis berjaya mencatatkan nilai jualan RM1.3 juta dalam tempoh 22 hari sejak dilancarkan pada 13 Mac lalu.

Pengarahnya, Mohd. Anzara Azizan berkata, bazar-bazar berkenaan membabitkan 160 usahawan.

Katanya, ia membabitkan bazar Ramadan Dataran MAIPs Kangar, bazar Ramadan Universiti Malaysia Perlis (Unimap) Kampus Pauh Putra dan bazar Ramadan Pasar Tani Kekal (PTK) Simpang Empat.

“Nilai jualan di bazar Ramadan Dataran MAIPs saja mencatatkan nilai jualan RM500,000 yang melibatkan 38 usahawan,” katanya ketika memberi sembah taklimat Program Sentuhan Kasih Ramadan FAMA-MPK-MAIPs @ Dataran MAIPs, semalam.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan berangkat ke program berkenaan yang diiringi oleh anakanda bongsu, Syed Sirajuddin Areeb Putra Jamalullail.

Hadir sama Ketua Pegawai

Eksekutif Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Mohd Nazim Mohd Noor dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar (MPK), Norazlan Yahaya.

Tambah Mohd Anzara, FAMA juga menganjurkan program Sentuhan Kasih Ramadan bagi mengimarahkan bulan mulia ini dan menggalakkan usahawan menyumbang menerusi aktiviti Khidmat Sosial Korporat (CSR).

Katanya, sehingga kini 300 asnaf dan jemaah dari lima masjid di negeri ini mendapat faedah daripada program ini.

“Dua lagi masjid iaitu Masjid Al Rashid, Kubang Perun dan Masjid Al Ridza, Panggas menerima 50 kit Sentuhan Ramadan,” katanya.

Sementara itu, Tuanku Syed Faizuddin berkenan menyaksikan penyampaian sumbangan Kit Sentuhan Kasih Ramadan kepada Imam Masjid Al Rashid, Kubang Perun, Ahmad Ismail dan Imam Masjid Al Ridza Panggas, Kasim Emat.

Baginda dan anakanda juga berkenan melakukan simbolik mengacau bubur lambuk.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

UPM hasilkan padi tahan lasak, mampu hidup dalam cuaca panas



Kawasan sawah yang ditanam padi CR hidup subur kerana sangat lasak dalam cuaca kemarau.

KOTA BHARU - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mengiktiraf varieti padi yang dinamakan Climate Ready Seeds itu (CR) kerana sangat tahan lasak dan mampu hidup dalam cuaca panas melampau.

Pengerusi KADA, Muhammad Husain berkata, pihaknya bercadang membawa jenis padi yang dibangunkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) itu ke Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan supaya menelitinya untuk ditanam pada musim akan datang.

"Kita harap proses pemilihan benih dilakukan secepat mungkin bagi membantu petani supaya dapat mengembalikan keuntungan mereka selepas mengalami saat getir musim ini," katanya.

Menurut beliau, sebanyak enam hektar padi jenis itu ditanam di Muling, Padang Mekan di sini.

"Usia padi berkenaan sudah mencapai 83 hari, namun masih segar dan sihat walaupun ketiadaan air sejak 35 hari lalu.

"Benih padi rintang kemarau itu kini dalam kajian dan sudah tiga musim menjalani ujian kemarau dan cuaca panas," katanya melalui kenyataan pada Khamis.

Beliau sebelum itu melakukan lawatan di kawasan sawah berkenaan dan berpuas hati dengan keadaan sawah padi itu.

Hasil lawatan berkenaan juga, Muhammad percaya padi CR menjadi pencetus kepada kebangkitan petani model baharu pada masa akan datang.

"Saya melihat ada jalan keluar daripada kemelut ini dan dan berharap petani dapat terus meningkatkan hasil padi dengan lebih baik selepas ini," katanya.

Jelas beliau lagi, kemarau melampau sejak beberapa tahun kebelakangan ini turut memberi kesan terhadap tanaman padi terutama di negeri Kelantan.